


POLA TINGKAL LAKU KEPIMPINAN KETUA JURURAWAT
DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEPUASAN DAN TEKanan KERJA
JURURAWAT BAWAHAN : KAJIAN DI HOSPITAL KOTA BHARU,
KELANTAN

EZANI BIN ISMAIL

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

809901



106608

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan di Hospital Kota Bharu, Kelantan bertujuan untuk melihat pola tingkahlaku kepimpinan ketua jururawat dan hubungannya dengan kepuasan dan tekanan kerja jururawat bawahan. Kajian dilihat dari persepsi 78 orang jururawat di hospital tersebut yang dilakukan secara persampelan bersistematik. Soal selidik yang mengandungi empat bahagian (Bahagian A : Maklumat diri, Bahagian B : Tingkah laku Kepimpinan, Bahagian C : Kepuasan Kerja dan Bahagian D : Tekanan Kerja) telah diedar kepada responden. Dapatan kajian mendapati ketua jururawat yang mempamerkan pola kepimpinan yang berorientasikan timbang rasa lebih disenangi oleh jururawat bawahan berbanding dengan pola yang berorientasikan persaingan dan individualistik. Ujian analisis Pearson menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan pada tahap sederhana di antara pola tingkahlaku kepimpinan ketua jururawat yang berorientasikan timbang rasa, persaingan dan individualistik dengan kepuasan kerja jururawat bawahan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan hanya wujud hubungan yang signifikan pada tahap yang rendah di antara pola kepimpinan di atas dengan tekanan kerja jururawat bawahan.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kepimpinan merupakan fenomena yang tidak asing lagi dalam kehidupan bermasyarakat. Kehadiran pemimpin sangat penting dalam mengesani pola-pola tingkah laku orang bawahnya sama ada di dalam kelompok kecil, persatuan-persatuan, mahupun dalam sesebuah organisasi. Pemimpin merupakan tunggak yang menjadi penggerak dan pendorong kepada ahli-ahli dalam sesebuah organisasi dalam usaha ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Para pemimpin dan pengurus mempunyai cara-cara yang berbeza dalam urusan berkaitan dengan memimpin staf bawahan mereka. Terdapat berbagai pendekatan dan gaya dalam menguruskan organisasi. Lewin dan Lippit (1988) telah menggunakan model autokratik-demokratik manakala Katz, Maccoby dan Morse (1950), dan Fleishman (1957) pula memisahkan tingkah laku kepimpinan kepada dikotomi orientasi pengeluaran dan orientasi pengikut. Sementara itu, Hemphill, Sigel dan Westie (1951) dan Yukl (1981) pula mengemukakan model pendayautamaan struktur bertimbangrasi. Cartwright dan Zander (1960) pula melihat dari sudut orientasi pencapaian matlamat dan orientasi penyelenggaraan kelompok.

Kepimpinan yang berkesan telah diakui boleh mewujudkan kepuasan dan mengurangkan tekanan di kalangan para pengikut. Keadaan ini amat penting dalam usaha mewujudkan suasana organisasi yang sejahtera (organizational health). Menurut Fliegner (1984), ketidakhadiran suasana organisasi yang sejahtera pada dasarnya adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan pada kepimpinan. Satu tragedi berlaku di Edmond, Oklahoma yang melibatkan 14 orang pekerja terkorban

kerana ditembak mati oleh seorang pekerja pos yang tidak berpuashati dengan cara penyeliaan ketuanya (The Star, 26 Ogos 1986), menunjukkan tekanan yang disebabkan oleh tingkah laku kepimpinan yang tidak berkesan.

Memandangkan kepada pentingnya kepimpinan dalam organisasi, mendorong penyelidik telah terdorong menjalankan kajian mengenai pola tingkah laku kepimpinan yang diamalkan oleh ketua jururawat dan hubungannya dengan kepuasan dan tekanan kerja di kalangan staf bawahan. Kajian dijalankan di Hospital Kota Bharu (HKB), Kelantan.

Semasa menjalankan tugas seharian, seseorang ketua jururawat tidak dapat mengelakkan diri daripada membuat keputusan yang bersifat mengarah kepada staf bawahannya. Tingkah laku membuat keputusan merupakan salah satu elemen utama di dalam gaya kepimpinan. Ketrampilan ketua jururawat semasa menjalankan tugas seperti ini akan memberi kesan positif terhadap jururawat di bawah seliaannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kementerian Kesihatan telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Di dalam belanjawan tahun 1987, sebanyak RM 1,174,786,100 diperuntukkan kepada bidang kesihatan dan jumlah ini bertambah kepada RM 2,178, 672, 370 pada tahun 1991. Peruntukan yang besar juga telah dibelanjakan untuk melatih kakitangan kementerian dari pelbagai peringkat untuk menentukan kualiti kesihatan dapat diberi perhatian sepenuhnya.

Kesedaran para jururawat terhadap tanggungjawab ini bergantung kepada banyak faktor, antaranya termasuklah moral dan sikap mereka terhadap profesion, *esprit de corps* yang terdapat di dalam kelompok kerja mereka, profesion kejururawatan pada keseluruhannya dan berbagai faktor yang lain.

Segala pendekatan dan tingkah laku yang diamalkan oleh ketua jururawat untuk mempengaruhi jururawat di bawah seliaannya adalah elemen-elemen gaya kepimpinan pengurus. Masalah akan timbul sekiranya ketua jururawat mengamalkan gaya kepimpinan autokratik yang hanya mengarahkan staf bawahannya untuk

menyiapkan tugas yang diberikan. Pengurus autokratik ini akan menggunakan ugutan atau hukuman terhadap subordinatnya demi mencapai matlamat pengurusan.

Bagi subordinat yang kreatif, berinisiatif dan bermotivasi tinggi, gaya kepimpinan autokratik ini akan menyekat perkembangan potensi dan mematahkan semangat kerjasama subordinat tersebut. Keadaan ini akan merenggangkan hubungan antara pengurus dengan subordinat dan boleh menjejaskan produktiviti organisasi.

Pengurus yang mengamalkan gaya kepimpinan 'laissez-faire' pula akan memberi kebebasan kepada subordinatnya melakukan apa sahaja yang dirasakan perlu. Pengurus ini mungkin tidak membentuk sebarang polisi atau prosedur kerja. Oleh itu, pengurusan golongan ini akan menghadapi masalah apabila berhadapan dengan subordinat yang tidak berinisiatif dan kurang kreatif. Banyak urusan dan projek organisasi akan tergendala sekiranya pengurus tersebut membiarkan keadaan ini secara berterusan.

Oleh itu, seseorang pengurus harus mengenal pasti gaya kepimpinan sendiri, seterusnya menyesuaikan gaya tersebut dengan situasi yang dihadapi dan bidang tugas yang disandang di dalam sesebuah organisasi. Selain itu, kejayaan pengurusan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada gaya kepimpinan para pengurus, tetapi juga melibatkan pendekatan atau gaya membuat keputusan pengurus tersebut.

Profesion seperti jururawat sangat memerlukan ketelitian dan kesabaran di dalam melaksanakan amanah dan tugas yang dipertanggungjawabkan kerana kerjaya ini terlibat secara langsung dengan pesakit yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat, sosioekonomi, peringkat umur, jantina dan ras. Pelbagai kerenah mungkin timbul daripada situasi di atas. Sejak akhir-akhir ini, sering kali kita dengar berbagai masalah dan kerenah yang ditimbulkan oleh jururawat sama ada secara sengaja atau tidak, seperti masalah yang berkaitan dengan konflik tugas, bebanan kerja, membelakangkan peranannya sebagai perawat pesakit dan berkonflik dengan ketua. Keadaan ini mungkin disebabkan terdapat tekanan kerja di kalangan mereka.